



SIARAN AKHBAR

ORANG RAMAI DINASIHATKAN UNTUK BERHATI-HATI DENGAN MATA WANG KRIPTO

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) amat bimbang dengan populariti yang semakin berleluasan mengenai mata wang kripto. AMBD ingin mengingatkan orang ramai bahawa mata wang kripto adalah tidak sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam dan adalah tidak dikawal oleh AMBD. Orang ramai diingatkan untuk berhati-hati apabila berurusan dengan mata wang kripto yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat atau institusi-institusi persendirian.
2. Mata wang kripto, seperti Bitcoin, Bitcoin Cash dan Ether, merupakan sejenis mata wang digital yang beroperasi bebas daripada autoriti-autoriti monetari atau bank-bank pusat. Urusniaga mata wang kripto dijalankan secara *anonymous*, dengan menggunakan platform yang pada lazimnya tidak diketahui di bawah kawalan mana-mana bidang kuasa, menyebabkan kesahihan mata wang kripto tersebut diragui.
3. Mata wang kripto juga mudah disalahgunakan sebagai pengantara untuk aktiviti-aktiviti haram, dan risiko penggodamannya atau aktiviti *hacking* adalah sangat tinggi. Ini adalah terbukti dengan kes-kes penggodaman rangkaian atau *network hacking* mata wang kripto yang terjadi baru-baru ini. Laman web mata wang kripto yang palsu, atau tawaran perkhidmatan berkaitan dengan mata wang kripto, juga digunakan untuk memerangkap pengguna.
4. Peningkatan pesat dalam nilai beberapa mata wang kripto baru-baru ini, termasuk *Bitcoin*, adalah didorong oleh spekulasi yang tinggi dan tidak mempunyai asas yang jelas. Risiko bagi kejatuhan nilai mata wang kripto ini adalah juga sangat tinggi, dan orang ramai tidak dilindungi di bawah mana-mana undang-undang AMBD. Masyarakat antarabangsa dan AMBD akan tetap berwaspada, dan terus memantau perkembangan isu-isu mengenai mata wang kripto ini.
5. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mudah terpedaya dengan mana-mana iklan pelaburan atau mana-mana aktiviti kewangan, dan terlebih dahulu mengesahkan kesahihan dan memahami skim-skim yang ditawarkan secara sepenuhnya dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada skim tersebut.
6. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi AMBD melalui talian 2388388 atau melalui emel info@ambd.gov.bn.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 4 Rabiulakhir 1439H/ 22 December 2017M

Ref: AMBD/COMMS/3